

CNS1465

R GB 15-12 00175 BC030

aab

Mahathir - Pertahanan

PM: NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA BUKAN BERSIAP UNTUK BERPERANG

Daripada Salbiah Said

I

NEW DELHI; 15 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak spekulasi bahawa negara-negara Asia Tenggara, yang akhir-akhir ini secara agresif membeli peralatan dan pesawat tentera, sedang membuat persiapan untuk berperang.

"Ia bukan satu provokasi untuk berperang antara satu sama lain kerana kami perlu memperbaharui peralatan dan pesawat lama," katanya pada persidangan akhbar bersama bagi wartawan Malaysia dan India di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata dalam kes Malaysia, pesawat-pesawat pejuangnya seperti jet-jet F5 yang telahpun usang, perlu diganti kerana bimbang akan membahayakan nyawa juruterbangnya dan menambah kata "kita biasanya perlu membeli yang paling terkini."

"China, misalnya kini sudahpun kaya dan lazimnya mereka akan memperuntukkan perbelanjaan bagi tujuan pertahanan," tambahnya.

Mengenai kemungkinan kerjasama pertahanan antara Malaysia dan India, Dr Mahathir berkata kedua-dua kerajaan telah mengadakan perbincangan memandangkan Malaysia merancang membeli pesawat MiG 29 dan kerjasama dalam membekal dan mengeluarkan komponennya. -- Lagi

15/12/20-50MST

CNS1470
R GB 15-12 00182 BC031
aab

Mahathir - Pertahanan 2 New Delhi

"Oleh kerana kita belum lagi memperolehi pesawat itu, kita terhenti serakat itu tetapi kita akan bekerjasama dengan India," tambahnya.

Dr Mahathir juga membidas masyarakat antarabangsa yang berapi-api bercakap mengenai hak asasi manusia tetapi tidak membuat apa-apa tindakan untuk menyekat pembunuhan rakyat Bosnia oleh pengganas Serb di tanahair mereka sendiri.

"Inilah satu contoh yang kita boleh kata mereka hanya pandai bercakap dan tidak melakukan apa-apapun," katanya.

"Saya pesimistik dengan keadaan di negara Balkan itu dan menghantar tentera kita ke sana tidak akan membawa sebarang perbezaan tetapi mereka tidak akan menghalang pengganas Serb - mereka hanya mahu menghantar makanan kepada penduduk yang kini terkepung."

"Malah apabila mereka bertembung mereka diberitahu supaya tidak melawan dengan pengganas Serb dan apabila Serb tahu kemudian tiada siapa akan melarang mereka, mereka akan meneruskan pembunuhan dan merogol," tambahnya.

Masyarakat antarabangsa "yang bercakap banyak mengenai hak asasi manusia" telah menyaksi orang yang tidak berdosa dibunuh "di depan mata mereka sendiri" tetapi mereka tidak berbuat apa-apa untuk membantu mereka." -- Lagi

▼15/12/20-57MST

CNS1471
R GB 15-12 00213 BC032
aab

Mahathir - Pertahanan 3 (Akhir) New Delhi

Sebaliknya mereka menyekatkan bekalan senjata kepada rakyat Bosnia walaupun mereka tahu puak Serb telah memperolehi senjata daripada sumber-sumber lain". "Inilah bentuk keadilan yang kita saksikan," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir, yang diiringi Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali berlepas pulang selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri India, P. V. Narasimha Rao dan presiden Zimbabwe, Dr Robert Mugabe.

Dr Mahathir sebelum itu dijadualkan menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara dan Kerajaan G-15 pada 13 hingga 15 Dis. Sidang kemuncak itu akan diadakan semula di New Delhi pada satu masa antara 15 Mac dan 7 April.

Semasa lawatan beliau ke sini, Dr Mahathir menyaksikan upacara menandatangani perjanjian usaha sama antara Telekom Malaysia Bhd dan Usha Martin Industries Ltd untuk mengendalikan rangkaian telefon selular bergerak di Calcutta.

Beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman juga dimeterai semalam. Ia termasuk perjanjian usaha sama antara Land and General Bhd dan Ircon Tailway Industrial Corporation bagi pembinaan landasan keretapi di Malaysia.

Yang lainnya ialah perjanjian bantuan teknikal antara Rubfil M Sdn Bhd dan Rubfila International Ltd untuk mengeluarkan benang getah tahan panas di Malaysia dan dua memorandum persefahaman berhubung pendidikan dan pendingin udara. -- Bernama.

SS OA

▼15/12/20-58MST